

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Rabiul Awwal 1446H/September 2024

ACIS

Meneladani Rasulullah SAW

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Nilai Teras Kepimpinan Berwibawa: Inspirasi daripada Rasulullah SAW



Oleh:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.



Nuruul Hidayah Mansor
Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Kepimpinan berwibawa merujuk kepada kemampuan seorang pemimpin untuk memimpin dengan penuh integriti, kebijaksanaan dan keadilan. Pemimpin berwibawa bukan sahaja dihormati dan dipercayai oleh pengikutnya tetapi juga mampu membawa perubahan positif dalam masyarakat. Dalam konteks negara, kepimpinan berwibawa adalah kunci kepada kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Tanpa pemimpin yang berwibawa, sesebuah masyarakat atau negara mudah terjerumus ke dalam konflik, ketidakadilan dan ketidakstabilan.

Rasulullah SAW adalah tokoh pemimpin berwibawa yang diiktiraf dan menjadi contoh kepada dunia. Sikap Rasulullah SAW yang sabar, adil, jujur, amanah, berani dan bijaksana dalam mengetuai negara melambangkan ciri dan nilai integriti kepimpinan yang tinggi terhadap peribadi baginda Rasulullah SAW. Teladan yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW menjadi asas kepada pembentukan jati diri seorang pemimpin muslim yang selari dengan matlamat Islam.

Jujur dan Amanah

Kejujuran dan amanah adalah cerminan kewibawaan seorang pemimpin yang berintegriti. Rasulullah SAW terkenal sebagai seorang yang tidak pernah berbohong, malah sebelum diangkat menjadi rasul, baginda sudahpun digelar sebagai 'al-Amin' iaitu seorang yang dipercayai oleh masyarakat di Mekah. Integriti baginda terbukti dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada dalam urusan perniagaan, perhubungan sosial atau pengurusan negara. Sebagai contoh, sikap amanah dan setia nabi mematuhi syarat-syarat Perjanjian Hudaibiyyah menunjukkan betapa tingginya nilai integriti dalam diri baginda walaupun perjanjian tersebut dilihat tidak memihak kepada umat Islam ketika itu. Teladan kejujuran dan amanah Rasulullah SAW inilah yang telah membina kepercayaan umat terhadap baginda sehingga mereka rela mengikut baginda dalam segala urusan walaupun dalam keadaan yang sukar.

Keberanian (Syaja'ah)

Keberanian Rasulullah SAW bukan hanya dilihat nyata melalui jihad di medan perang, tetapi juga keberanian baginda dalam menghadapi pelbagai cabaran dakwah penyebaran Islam. Ketika awal penyebaran Islam, Rasulullah SAW berhadapan dengan banyak tentangan hebat daripada masyarakat Arab Quraisy yang berusaha menghalang baginda daripada menyebarkan ajaran tauhid. Namun, baginda tetap meneruskan jihad dakwah walaupun menghadapi ancaman nyawa. Demikian juga menerusi peristiwa hijrah, di mana Rasulullah SAW dengan berani telah meninggalkan bumi Mekah menuju ke Yathrib demi mendapatkan perlindungan keselamatan masyarakat Islam. Keberanian Rasulullah SAW dilihat bukan semata-mata untuk membela diri, tetapi juga dalam konteks yang lebih luas untuk memastikan prinsip kebenaran dan keadilan ditegakkan.

Kebijaksanaan (Hikmah)

Kebijaksanaan atau hikmah merupakan salah satu ciri kepimpinan Rasulullah SAW yang sangat menonjol dalam menguruskan negara dan umat. Rasulullah SAW menunjukkan kebijaksanaan yang tinggi dalam menyelesaikan konflik melalui pendekatan diplomatik yang berhemah sepertimana Perjanjian Hudaibiyyah, di mana Rasulullah SAW menggunakan kebijaksanaan untuk mencapai perdamaian dengan kaum Quraisy walaupun pada zahirnya perjanjian itu kelihatan lebih menguntungkan pihak lawan. Baginda memilih untuk berkompromi secara bijaksana demi menjaga keselamatan umat Islam dan mengelakkan peperangan yang boleh membawa kepada kemusnahan lebih besar. Selain itu, kebijaksanaan Rasulullah SAW juga terlihat dalam perundingan dengan pelbagai kabilah dan suku untuk mendapatkan sokongan dan membina hubungan diplomatik yang kukuh. Kebijaksanaan Rasulullah SAW terlihat apabila keputusan-keputusan yang diambil oleh baginda sentiasa mempertimbangkan impaknya kepada kesejahteraan umat.

Kesabaran (Sabr)

Kesabaran atau sabr adalah salah satu nilai utama yang dicontohi oleh Rasulullah SAW dalam kepimpinannya, terutama ketika menghadapi ujian dan cabaran. Dalam usaha dakwahnya, Rasulullah SAW sering kali berhadapan dengan pelbagai bentuk penentangan dan ancaman, namun baginda sentiasa menunjukkan tahap kesabaran yang luar biasa. Contohnya, semasa Rasulullah SAW berdakwah di Taif, baginda dihina dan dilempari batu oleh penduduk setempat, tetapi baginda tetap bersabar dan tidak membalas dendam. Kesabaran Rasulullah SAW ini tidak

hanya terhad dalam dakwah, tetapi juga dalam menghadapi musuh-musuh Islam di medan perang, di mana baginda sering kali memilih pendekatan yang mengutamakan perdamaian dan pengampunan. Kesabaran yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW membuktikan bahawa kesabaran bukanlah tanda kelemahan, tetapi merupakan kekuatan yang membawa kepada kejayaan jangka panjang. Akhirnya, kesabaran baginda dalam mengharungi pelbagai ujian membuahkan hasil dengan penyebaran Islam yang meluas dan diterima oleh pelbagai bangsa dan kaum.

Keadilan

Keadilan adalah salah satu prinsip utama yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam pemerintahannya. Baginda sentiasa memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat adalah adil dan tidak memihak kepada sesiapa, walaupun melibatkan ahli keluarga atau sahabat terdekat. Contohnya, ketika menyelesaikan pertikaian antara suku-suku Arab, Rasulullah SAW sentiasa mendengar kedua-dua belah pihak sebelum membuat keputusan yang saksama, tanpa dipengaruhi oleh emosi atau tekanan luar. Keadilan Rasulullah juga jelas terlihat dalam pengagihan hak dan tanggungjawab dalam kalangan umat Islam. Sebagai contoh, dalam pembahagian harta rampasan perang, baginda memastikan bahawa setiap orang mendapat bahagian yang setimpal dengan usaha dan pengorbanan mereka, tanpa mengira status atau kedudukan mereka dalam masyarakat. Dengan menegakkan keadilan, Rasulullah SAW bukan sahaja menjaga kestabilan dalam masyarakat, tetapi juga membina kepercayaan dan penghormatan yang tinggi dalam kalangan pengikut baginda.

Praktis di dalam Kepimpinan Moden

Dalam kepimpinan moden, integriti tetap menjadi elemen penting untuk membina dan mengekalkan kepercayaan dalam kalangan orang yang dipimpin kepada orang yang memimpin. Nilai ini akan melindungi kredibiliti dan kelangsungan pemimpin dalam jangka masa panjang serta mengelak daripada isu penyelewengan kuasa. Pemimpin memerlukan keberanian dalam membuat keputusan sukar serta untuk menegakkan prinsip yang benar, walaupun berhadapan dengan kritikan atau ancaman. Seorang pemimpin juga perlu memiliki kebijaksanaan dalam mengurus organisasi yang dipimpin termasuklah mengurus perbezaan pendapat, membuat perancangan strategik dan membuat keputusan tanpa menimbulkan konflik.

Pemimpin muslim yang berkebolehan mengurus organisasi akan memberikan hasil yang efektif dan harmoni. Tekanan dan krisis perlu ditangani oleh pemimpin dengan kesabaran, tenang dan bijaksana. Sepertimana sifat-sifat yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, keadilan adalah kunci dalam kepimpinan Islam. Seorang pemimpin masih memerlukan sokongan dan kepercayaan daripada orang yang dipimpin. Islam tidak menyaran kepimpinan yang bersifat kuku besi, ada unsur manipulasi dan wujud unsur untuk kepentingan peribadi.

Sebagai kesimpulan, nilai-nilai utama seperti integriti, keberanian, kebijaksanaan, kesabaran dan keadilan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW adalah asas kepada kepimpinan berwibawa dan kekal relevan untuk dijadikan contoh sehingga ke hari ini. Rasulullah SAW menjadi inspirasi teladan dan model yang sempurna dalam aspek kepimpinan. Pemimpin masa kini digalakkan untuk mengamalkan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian, sam ada dalam konteks profesional atau peribadi. Dengan mencontohi nilai-nilai ini, pemimpin dapat memastikan kepimpinan mereka bukan sahaja dihormati dan dipercayai, tetapi dapat membawa kesejahteraan kepada banyak pihak sama ada masyarakat mahupun negara.